

MSM PEROLEH KONTRAK RM290 JUTA DENGAN THE COCA-COLA COMPANY

Sebanyak 148,000 tan gula bertapis akan dibekalkan dalam tempoh dua tahun untuk pengeluaran domestik dan antarabangsa

KUALA LUMPUR, JANUARI 7, 2022 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) melalui anak syarikat milik sepenuhnya, MSM Prai Berhad (MSM Prai) telah memperoleh kontrak bekalan gula bertapis bernilai RM290 juta dengan The Coca-Cola Company (Coca-Cola) untuk pengeluaran domestik dan antarabangsa, mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar gula bertapis terkemuka dan pilihan Malaysia di Asia Pasifik.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata walaupun MSM telah memperoleh kontrak bekalan jualan berjangka dengan pelbagai pemain utama industri Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG) tempatan dan di rantau ini, peluang untuk menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan Coca-Cola, jenama minuman ringan paling bernilai di dunia, adalah sebahagian daripada rangka tindakan eksport MSM sebagai syarikat 8 teratas penapis gula bersepadu global.

"Pencapaian ini merupakan rangsangan tambahan kepada Kumpulan MSM setelah berjaya mencapai pemulihan pada 2021 dan mempercepatkan pengembangan MSM ke pasaran yang lebih luas di seluruh rantau ini. Paling utama, memandangkan kami telah menyatakan komitmen untuk mempergiatkan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), sebagai permulaan MSM akan menyediakan bekalan gula mentah lestari untuk pasaran domestik Coca-Cola," tambah Syed Feizal.

MSM telah bekerjasama dengan Coca-Cola di dalam negara selama lebih daripada 10 tahun. Untuk kontrak dua tahun dengan Coca-Cola Bottlers (Malaysia) Sdn Bhd ini, MSM akan membekalkan bekalan gula bertapis untuk tahun 2022 dan 2023. Kontrak dua tahun itu juga terpakai untuk eksport yang bermula pada Disember 2021, di mana bekalan gula bertapis akan dihantar ke destinasi antarabangsa yang berbeza di mana Coca-Cola mempunyai kehadiran yang kukuh.

MSM Prai mengendalikan kilang penapisan gula Prai di Pulau Pinang. Terletak di pantai barat laut Semenanjung Malaysia, kemudahan itu merupakan kilang penapisan gula terbesar di negara ini dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.05 juta tan gula bertapis. Manakala MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd, yang terletak di lokasi strategik di Pelabuhan Tanjung Langsat, Johor dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak satu juta tan gula bertapis, dijangka meningkatkan pengeluarannya pada 2022.

Kumpulan MSM mematuhi kawalan kualiti dan prosedur operasi standard yang ketat dan kilang penapisannya sentiasa diaudit untuk mengekalkan standard keselamatan dan kualiti makanan yang tertinggi. MSM mampu menghasilkan gula dengan spesifikasi Coca-Cola yang turut merangkumi Standard Pensijilan Halal JAKIM Malaysia, MS1500:2009, Sistem Pensijilan Keselamatan Makanan (FSSC 22000 – Pembuatan), sistem Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Amalan Perkilangan Baik (GMP) serta lain-lain pensijilan



kualiti yang relevan kepada industri.

Kumpulan MSM menawarkan kepelbagaian produk gula berkualiti tinggi yang dipasarkan dan dijual dalam pelbagai bungkusan serta gred untuk memenuhi keperluan pasaran domestik dan eksport. Keupayaan MSM untuk menghasilkan gula bertapis berasaskan spesifikasi *International Commission for Uniform Methods of Sugar Analysis (ICUMSA) 25* bagi gula bertapis kualiti premium global telah menjadi kekuatan kepada Gula Prai menjadi pilihan dalam industri pengeluaran FMCG.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd. Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan. MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan penganjurnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+603 2181 5018 ext. 154
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com